

KOLEKSI MANUSKRIP-MANUSKRIP MELAYU DI BRUNEI: SATU MAKLUMAT AWAL

HARUN MAT PIAH & ISMAIL HAMID
Universiti Kebangsaan Malaysia

SYNOPSIS

Research and systematic documentation of Malay manuscripts in Europe have been done by several scholars. However Malay manuscripts in local collections are not yet properly documented. Two of these institutions which have Malay manuscripts are in Brunei. They are Dewan Bahasa dan Pustaka dan Brunei Museum. Not much information of these two collections can be obtained. The authors of this article have done a research in these institutions and here they are giving overall description of Malay manuscripts in these two collections.

Pendahuluan

Pengkajian dan dokumentasi terhadap manuskrip-manuskrip Melayu merupakan suatu kegiatan penyelidikan yang telah begitu lama dilakukan, terutamanya dalam pertengahan pertama abad ke sembilan belas. Kegiatan-kegiatan pengumpulan manuskrip terutamanya oleh para pengkaji Barat telah menambahkan jumlah koleksi di berbagai perpustakaan dan institusi di luar negeri seperti di Leiden, London, Paris dan Brussels. Sementara itu koleksi-koleksi tempatan, di Malaysia, Indonesia dan lain-lain daerah Nusantara, terus juga bertambah melalui usaha dan kegiatan yang dijalankan oleh institusi-institusi dalam negeri; di Malaysia oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, muzium-muzium dan universiti-universiti, di Indonesia oleh Muzium Pusat dan di Brunei oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei dan Muzium Brunei.

Koleksi-koleksi Eropah terutamanya di Leiden dan United Kingdom telah begitu lama diketahui umum, bukan saja tentang jumlah dan judul-judul manuskrip, malah kandungan isi dan lain-lain maklumat yang diperlukan. Hal ini berlaku kerana tradisi pengumpulan dan pemuliharaan manuskrip telah wujud dan berkembang di Eropah sejak zaman Yunani dan Romawi lagi. Setiap manuskrip dalam koleksi-koleksi ini dapat dikatakan telah didokumentasi, diberikan klasifikasi, dipastikan judulnya, dikatalog, dicatatkan isinya dengan ringkas dan diberikan rujukan untuk yang bersamaan isi atau judul, dalam koleksi yang sama bahkan yang lain. Kebanyakan naskhah dari koleksi-koleksi tersebut telah disalin dalam bentuk mikrofilem, mikrofis atau 'facsimile'. Salinan-salinan ini tersibar luas dan boleh didapati di kebanyakan perpustakaan termasuk perpustakaan-perpustakaan tempatan di Malaysia.

Keadaan demikian berbeza dari yang terdapat dalam koleksi-koleksi tempatan; misalnya kebanyakan manuskrip di Muzium Negara dan muzium-muzium negeri di Malaysia masih belum didokumentasi sewajarnya. Judul-judulnya tidak dipastikan, katalognya yang sistematis juga tidak ada. Kandungan isinya tidak dikaji dan salinan mikronya juga belum dibuat dan disebar. Dan keadaan begini ditemui juga bagi koleksi-koleksi di Indonesia dan Brunei.

Koleksi Brunei

(i) Jumlah

Dua buah institusi yang menyimpan koleksi manuskrip-manuskrip Melayu ialah Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei dan Muzium Brunei. Jumlah naskhah dalam kedua-dua koleksi ini dapat dikatakan banyak, tetapi maklumat mengenainya amat sedikit yang diketahui umum. Melalui tulisan-tulisan ringkas oleh para pelawat yang mengunjungi institusi-institusi itu, atau persidangan yang pernah diadakan (misalnya, "Workshop On Oriental Manuscripts" yang diadakan di School of Oriental and African Studies, Universiti London, 1980), hanya beberapa judul dari koleksi-koleksi tersebut yang disebut secara umum, tanpa pemerian lengkap yang dapat digunakan sebagai maklumat kajian.

Dari tinjauan kami melalui projek penyelidikan ini didapati kedua-dua koleksi mempunyai jumlah bahan yang mengagumkan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei 135 dan Muzium Brunei 110 naskhah. Dari segi judul Dewan Bahasa dan Pustaka mempunyai 35-40 dan Muzium Brunei 70-75. Jumlah ini tidak termasuk naskhah-naskhah yang disenaraikan sebagai "tanpa judul" kerana tidak diketahui judulnya, atau memang tiada berjudul – suatu keadaan yang umum dalam kedua-dua koleksi. Dari pembacaan yang singkat dapat dilihat bahawa sejumlah besar dari judul-judul ini tidak terdapat dalam lain-lain koleksi yang telah diketahui. Ini menunjukkan adanya karya-karya yang dihasilkan oleh pengarang-pengarang Brunei dengan mempunyai ciri-ciri tersendiri baik dari bentuk tulisan mahupun dari perbendaharaan bahasa dan dialeknya.

Kebanyakan manuskrip dalam kedua-dua koleksi dapat dikatakan dalam keadaan yang tidak begitu memuaskan. Pertamanya kerana terlalu banyak naskhah yang tidak lengkap kerana tiadanya halaman-halaman awal dan akhir yang boleh memberikan maklumat yang penting seperti judul, pengarang, penyalin, pemilik, tarikh, ilustrasi awal, kolofon dan isi manuskrip itu sendiri. Keduanya keadaan naskhah yang terlalu daif, carik-carik, terdiri dari cebisan-cebisan yang longgar, halaman-halaman yang berlubang dan tidak tersusun menurut urutan yang sewajarnya. Sebuah naskhah di DBP yang menggunakan dawat biasa, disalin kira-kira dalam tahun 1938, tulisannya telah mulai kabur; mungkin tidak lama lagi sebahagian besar darinya tidak akan dapat dibaca. Gegat dan lain-lain serangga pembinasakan kadang-kadang dapat ditemui dalam naskhah; ertinya naskhah tersebut sedang menjalani proses kemusnahan yang amat merugikan.

(ii) Katlog dan Klasifikasi

Kedua-dua koleksi masih belum dikatolog dan diberi klasifikasi sewajarnya. Yang ada ialah senarai perolehan dengan angka-angka menurut kronologi atau tarikh perolehan bahan. Senarai ini tidak memberikan maklumat apakah sesebuah naskhah berupa manuskrip tulisan tangan atau naskhah cap batu, facsimile atau mungkin salinan zerox. Demikian juga tidak dapat dipastikan apakah ia berupa transkripsi rumi dari versi jawi, atau salinan semula (jawi) dari naskhah asal. Keterangan-keterangan seperti ini amat perlu dalam mendokumentasi sesebuah koleksi.

Penetapan judul dalam senarai perolehan juga diragukan. Pertama, mungkin judul yang diberikan itu bukan judul manuskrip itu sebenarnya. Misalnya di Muzium Brunei, judul-judul "Ilmu Tauhid Vol. I" (Arkib/BM/no.8/75), "Ilmu Ibadat"

(Arkib/BM/no.2/75) dan “Tafsir Al-Quran” (Arkib/BM/no.9/75) adalah isi atau klasifikasi tema, bukan judul manuskrip. Melalui tinjauan kami yang singkat, beberapa judul telah dapat dipastikan; misalnya Arkib/BM/2/75 ialah “Hidayat al-Salikin”, Arkib/BM/8/75 ialah “Ummu al-Barahin wa Bidayah al-Hidayah” dan Arkib/BM/9/75 adalah “Ilmu Tasawuf”, bukan “Tafsir Al-Quran”. Keadaan begini bukanlah bersebab dari kesilapan pustakawan tetapi adalah kerana keadaan manuskrip itu sendiri. Kebanyakan naskhah tidak mempunyai judul yang asal, sama ada tidak ditulis atau telah hilang dengan sebab ketiadaan helai-helai permulaan dan akhir. Atau judul tersebut tidak ditonjolkan tetapi mungkin tertulis di mana-mana di dalam teks, dipertengahan atau mungkin di akhir. Seorang pengkaji harus men-carinya dengan sabar dan teliti yang hasilnya mungkin tidak ditemui sama sekali.

Penyusunan jilid lebih mengelirukan dan mungkin tidak tepat. Urutan jilid dari 1-22 bagi judul “Dang Pandan Larangan” (DBP. 001-027) dan 1-27 bagi “Dang Rokam” (DBP. 022-041) bukanlah urutan yang sebenar; kerana urutan itu berdasarkan keterangan pemunya yang memberikan naskhah-naskhah tersebut. Justeru itu seorang pengkaji terpaksa membaca keseluruhan jilid untuk menentukan urutan cerita. Bagi judul-judul yang dibicarakan ini pengkaji telah gagal untuk mencapai tujuan tersebut. Pertama, kerana kehilangan halaman-halaman awal dan akhir setiap naskhah; kedua, kerana tulisan tangan yang sukar dibaca dan ketiga, setiap naskhah terdiri dari purata 200 halaman.

Suatu usaha yang amat baik yang telah dan sedang dilakukan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei ialah mentranskripsi naskhah-naskhah ini ke dalam tulisan rumi. Beberapa naskhah, termasuk yang tergolong sebagai “tanpa judul” telah ditranskripsi dan diedit sewajarnya.

Kepentingan dan Kedudukan Koleksi

(i) Keistimewaan Koleksi

Sumbangan sesuatu koleksi naskhah, betapapun kecil jumlahnya, adalah amat penting untuk kelanjutan dan penambahan maklumat terhadap kesusasteraan, malah budaya dan tamadun Melayu Nusantara. Lebih-lebih lagi koleksi-koleksi di Brunei ini yang lebih banyak, bukan saja dari segi kuantiti, tapi juga dari segi kepelbagaian genre yang dapat pula membuktikan kekayaan daya cipta dan penglibatan para pengarang dan para penyalin manuskrip. Rupa-rupanya kegiatan itu tidak menjadi asing bahkan merupakan tradisi yang diwarisi oleh masyarakat Melayu Brunei.

Suatu keistimewaan yang dimiliki oleh koleksi-koleksi ini ialah pada betapa besar jumlahnya karya-karya yang berhubungan dengan Islam, baik yang berupa hikayat mahupun yang tergolong sebagai akidah pengajaran Islam. Hal ini menarik perhatian kita kepada mempersoalkan tentang kehadiran dan perkembangan Islam di rantau ini. Para sejarawan pada umumnya berpendapat bahawa agama Islam hanya diperkenalkan ke Brunei kira-kira pada abad ke-16, melalui mubaligh-mubaligh yang datang dari Melaka dan Sumatra Utara. Tetapi pada masa yang terakhir ini terdapat penemuan baru yang menunjukkan agama Islam telah memasuki Brunei lebih awal dari tarikh yang tersebut. Antara penemuan baru itu adalah bercorak tulisan pada batu-batu nisan seperti tulisan pada batu nisan putri Sultan Abdul Majid Ibn Muhammad Syah bertarikh 1048 Masihi dan batu nisan Tuan Pu-Kung Chih Mu,

bertarikh 1264 Masihi.¹

Kesan dari penyebaran agama Islam, Brunei telah melahirkan satu bentuk kebudayaan Islam. Ciri-ciri kebudayaan Melayu ini terdapat pada warisan persuratan Melayu dalam bentuk karya-karya yang dihasilkan oleh pengarang-pengarang Brunei dan juga karya-karya yang bercorak kesenian Islam Brunei. Dengan kedatangan Islam ke Brunei maka sistem tulisan Arab telah diperkenalkan pada penduduk Brunei dan digunakan sebagai alat untuk penulisan ilmu pengetahuan, agama Islam dan juga surat menyurat mengenai urusan pentadbiran negara. Misalnya tulisan Arab (Jawi) telah digunakan sejak abad ke-11 lagi untuk mencatatkan tentang kematian putri Sultan Abdul Majid seperti yang terdapat pada batu nisan bertarikh 1048 Masihi itu.

Dengan kedatangan Islam persuratan Melayu dan Islam telah berkembang dengan giatnya di negeri Brunei. Tulisan Arab (Jawi) dijadikan sebagai tulisan perhubungan yang menyeluruh di negeri Brunei. Surat-surat rasmi Kerajaan Brunei untuk tujuan perhubungan dan lain-lain dituliskan dalam tulisan Arab (Jawi) sejak abad keenam belas Masihi. Mulai abad ke-16 persuratan Melayu dan Islam Brunei mulai berkembang dengan seluasnya. Mulai tarikh yang sama kitab-kitab agama Islam dituliskan dengan banyaknya.

Penulisan yang bercorak ilmu pengetahuan Islam berkembang dengan pesat di negeri Brunei sejak dari Abad ke-16. Dengan itu Brunei dapatlah dianggapkan sebagai salah satu pusat Islam di daerah Nusantara ini. Sebahagian dari warisan penulisan tentang agama Islam di Brunei kini tersimpan dalam koleksi-koleksi di Brunei dalam bentuk manuskrip tulisan tangan dan salinan foto milik peribadi, Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei dan Majlis Agama Islam seperti yang dibicarakan di sini.

Bagi yang tidak tergolong sebagai "berunsur Islam", terutamanya dalam koleksi Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, kebanyakan naskhah termasuk ke dalam genre hikayat, cerita atau penglipur lara. Judul-judul seperti "Dang Pandan Larangan" (DBP. 001-022), "Dang Rokam" (DBP. 032-041), "Syair Awang Semaun" (DBP. 050-058) dan (Arkib/BM/31/75) dan "Cerita Tuan Pemagat" (Arkib/BM/13/75 dan 29/75) masing-masing menunjukkan ciri-ciri keistimewaan tersendiri. "Dang Pandan Larangan" dan "Dang Rokam" dalam bentuk prosa masing-masing mengisahkan percintaan dan keperwiraan watak-watak utamanya. Sekali imbas kedua-duanya mendekati ciri-ciri cerita-cerita Panji Melayu dari segi perwatakan, konflik dan penyelesaian cerita. Perhatikan sebahagian dari cerita "Dang Pandan Larangan" di bawah ini:

Maka Tuan Puteri Emas itupun tunduk diam merasa belas sedikit hatinya melihat barang kelakuan Permaisuri itu, dibawa oleh Permaisuri pulang ke tempat sendiri hendak akan diberinya, tentu Tuan Puteri Emas tidak mau, sebagai dengan menangis juga. Maka ramai-ramailah segala dayang di tempat Permaisuri itu mengatakan Permaisuri Seri Udara membawa budak perempuan terlalu sangat baik parasnya Puteri Baginda Dahara Indera Angkadiri, didapat oleh Tuan Puteri Seganda Kemala dengan geta peraduannya sekali terhantar di atas tunggak jalan di maligai itu. Segala dayang menengar pun terlalu sangat ghairah akan melihat paras Tuan

¹ *Pameran Sejarah Perkembangan Islam Di Brunei*, 1979, hal. 12.

Puteri Emas itu semuanya pun berdahulu-dahulu masuk ke tempat Permaisuri Seri Udara berpasuk-pasuk sahaja rupanya.

(Naskah DBP., Jilid 8, hal. 20-21).

Dang Rokam juga berupa prosa hikayat berbentuk romantik atau penglipur lara. Perwatakan dan jalan ceritanya hampir sama dengan *Dang Pandan Larangan*; bahkan nama-nama dan gelaran watak juga hampir sama hingga sukar dibezakan. Lihat petikan di bawah, sebagai contoh:

“Maka Si Raja Dagang Gempita Sakti Satria Anon pun mengecap seraya katanya, “Aduh, Adinda, itulah maka kita sangat hairan; tetapi pada hati aku ini, jikalau bukan asalnya mengindera, tiada akan berani selaku itu titah sifatnya. Siapa gerangan orang Kepala Perang Emas Bena Merak itu. Ingin juga hati kita melihat dia. Habis sudah orang kita tanya akan asal bansanya, seorang pun tiada tahu akan dia”. Maka sembah segala para atria semuanya, “Benarlah kata Si Raja Dagang itu. Jika dengan tiada ada, jikalau ada, kelihatan di mata kita ini kita kenal juga dahulu, baharulah kita membalas akan katanya itu; kerana tiada baik didengar orang berkata serupa itu.”

(Naskah DBP., Jilid 6 hal. 6).

“Syair Awang Semaun” dan “Cerita Tuan Pemagat”, masing-masing dalam bentuk puisi. Awang Semaun berbentuk syair, tergolong sebagai historiografi, mengisahkan kepewiraan watak legendari, Awang Semaun yang berhubungan dengan nasab keturunan raja-raja Brunei. Dalam jilid ketiga, diceritakan Awang Semaun bersedia menentang Anak Raja Balkis dalam persabungan ayam:

Nakhoda menyembah berkata langsung

“Patiklah ini hendak menjujung
Patik membawa ayam seekong
membawa bermain kita bersabung.”

Maharaja LeLa Sabdanya Rata
“Ayuhai nakhoda kapal beberanta
Apalah pula pertaruhan kita
Atau kapal intan pertama.”

Malik Semaun sabda terperi
“Baiklah kita bertupa negeri
Apa gunanya intan baiduri
Jikalau kalah dialih kemari.”

Ketakutan mendengar nakhoda kapal
Tiada boleh jalan menyesal
Hendak sahaja jalan tawakal
Bertaruhkan emas seribu bungkal

Bersabda lagi Malik pengasiha
“Sepuluh laksa itu jelama
Halang-halang kita disebut nama
Baik bertupa bersama-sama.”

(Naskah DBP., Jilid III. hal. 2).

“Cerita Tuan Pemagat” juga berbentuk puisi; dikenali di Brunei sebagai Diandang-an. Dari segi genre puisi Melayu ia dapat digolongkan sebagai bahasa berirama (rhythmical verse) atau talibun. Lihat contoh di bawah yang mengisahkan kegagahan Muda Si Linong salah seorang watak utama dalam cerita ini:

Tinggalkan Tuan Pemagat
tersebutlah pula
Awang Si Linong di dalam Balai Perbujangan
berunding berbicara dengan amak Tumanggung
amak Bendahara, amak Di Gadung
berkata Muda si Linon:
“Dui sanak denganku sanak
di dalam Balai Perbujangan
aku ini ‘kan berjumpa kakangmu
di atas Maligai Tinggi”.
Pantas menjawab Amak Tumanggung
“Wang malai awang bungangku
wang sunting caramin mata
kami tiada dapat melarang
kami tiada dapat menegah
awang malai awang bungangku.

(Naskhah DBP., hal. 3)

(ii) *Deskripsi Manuskrip*

Secara keseluruhan naskhah-naskhah dalam kedua-dua koleksi menampakkan ciri-ciri Brunei yang tradisional; pada beberapa segi berbeza dari koleksi-koleksi lain di dunia. Selain dari gaya tulisan dan bahasa, bentuk manuskrip juga menarik. Kulit manuskrip dibuat dari kertas tebal yang disalut dengan kain, batik atau samarenda Brunei. Helai-helai kertas dijahit dan tetulanganya dilapis dengan kertas surat khabar. Terdapat kertas-kertas akhbar Inggeris keluaran Sebelum Perang Dunia II, bahkan lebih awal dari itu. Dawat hitam yang digunakan, hampir sama dengan dawat Cina, tetapi ternyata buatan tempatan. Kertas juga dari kertas Cina (Chinese paper) tidak mempunyai cap air (water mark), tetapi ada bayangan garis-garis horizontal dan vertikal. Permulaan naskhah diberi ilustrasi (seperti kebanyakan manuskrip Melayu yang tipikal), dengan menggunakan motif bunga dan tumbuh-tumbuhan. Ilustrasi ini agak sederhana, tidak menggunakan berbagai warna seperti yang terdapat pada beberapa manuskrip Melayu dalam koleksi lain di dunia. Namun secara keseluruhan merupakan persambungan tradisi dan kesedaran estetika yang sama dengan masyarakat Nusantara lainnya.

Senarai dan Deskripsi Manuskrip

Dalam Lampiran yang disertakan di bawah, diberikan senarai naskhah-naskhah dalam kedua-dua koleksi, iaitu Lampiran A dan B. Judul-judul yang disenaraikan berdasarkan senarai yang sedia ada di institusi-institusi tersebut; hanya sebahagian yang dapat disemak dan dipastikan ketepatannya. Ukuran manuskrip diberikan dalam kiraan milimeter yang terdekat. Beberapa buah manuskrip, khususnya dari koleksi Islam di Muzium Brunei dapat juga disertakan deskripsi isinya dengan ring-

kas. Ini ialah kerana naskhah-naskhah dalam koleksi itu lebih banyak lengkap dan telah dipelihara sebaiknya.

Untuk memudahkan perujukan, senarai manuskrip diberikan dalam lima bahagian:

- A. Bahan-bahan yang berupa pengajaran Islam.
- B. Bahan-bahan berupa cerita atau naratif, hikayat atau penglipur-lara termasuk yang berunsur Islam.
- C. Bahan-bahan yang tergolong sebagai sejarah (histeriografi) dan perundangan.
- D. Bahan-bahan lain yang tidak termasuk dalam 1, 2 dan 3, disenaraikan menurut judul.
- E. Bahan-bahan "tanpa judul" yang masih belum didapati keterangannya.

Ternyata kajian dan dokumentasi yang dilakukan ini masih belum lengkap dan terperinci. Masih banyak maklumat yang perlu didapatkan; dan ini hanya akan tercapai melalui penyelidikan lanjut yang lebih mendalam. Semoga hal itu akan dapat diteruskan secepat mungkin.

LAMPIRAN A

KOLEKSI MUZIUM BRUNEI: SENARAI DAN SEDIKIT
DESKRIPSI MANUSKRIP

A. Bahan-bahan Berhubung dengan Pengajaran Agama Islam

1. *Kitab Hidayah Al-Salikin*

Arkib/BM/No. 2/75, 195 x 160, 236 halaman. Kitab tulisan tangan karangan Maulana al-Syaikh Abdul Samad, Palembang. Isi kandungannya mengenai perbincangan tentang adab. Antara perbincangannya menyentuh tentang adab al-Ta'ah. Adab meninggalkan pekerjaan maksiat dan adab bercampur gaul dengan makhluk Allah. Manuskrip ini ditulis oleh Hj. Muhammad Ishaq dari kampung Gelam Singapura pada 1290 H. (1873).

2. *Ilmu Tauhid*

Arikib/BM/No. 3/75, 210 x 160, 34 halaman, manuskrip tulisan tangan huruf Jawi, tiada disebutkan nama pengarangnya dan tarikh penulisannya. Naskhah ini membicarakan tentang sifat-sifat Allah dengan memberi pengertian bagi setiap sifat yang tersebut.

3. *Ummu Al-Barahin Wa Bidayah Al-Hidayah*

Arkib/BM/No. 8/75, 240 x 175, 104 halaman, manuskrip tulisan tangan huruf Jawi. Nama pengarang Sanusi Hasni, tiada disebutkan tarikh penulisannya. Naskhah ini membicarakan tentang ilmu tauhid dan falsafah Islam.

4. *Ilmu Tasawuf*

Arkib/BM/No. 9/75, 200 x 160, 154 halaman, manuskrip tulisan tangan huruf Jawi; tiada disebutkan nama pengarang dan tarikh penulisannya. Naskhah ini membicarakan ilmu tasawuf yang memperkatakan tentang sifat-sifat yang mula yang dikatakan dapat membersihkan ruh atau jiwa manusia sehingga dapat mencapai taraf yang dapat dimuliakan oleh Allah. Pembicaraan juga menyentuh tentang sifat-sifat yang jahat yang dianggapkan sebagai punca yang melemahkan keimanan manusia dan mengotori jiwanya.

5. *Ilmu Ibadat dan Masalah-masalahnya*

Arkib/BM/No. 10/75, 210 x 170, 145 halaman.

6. *Falsafah Ibadat*

Arkib/BM/No. 11/75, 205 x 160, 119 halaman, manuskrip tulisan tangan dengan huruf Jawi; tiada disebutkan nama pengarang dan tarikh penulisannya. Naskhah ini membicarakan tentang falsafah ibadat dalam Islam dengan mengemukakan tentang faedah-faedah bagi orang yang menunaikan ibadat dan pahala yang akan diperolehi apabila seseorang itu mengerjakannya. Pada keseluruhannya kitab ini banyak membicarakan tentang ibadat dan falsafah yang berhubung dengannya.

7. *Etika Islam*

Arkib/BM/No. 12/75, 205 x 160, 15 halaman; tiada disebutkan nama pengarang, tarikh penulisan atau penyalinannya iaitu pada 1852M. Naskhah ini membicarakan tentang etika dari sudut pandangan Islam. Padangan dibuat dari konteks pengajaran ilmu tasawuf. Pengarang memperkatakan tentang sifat-sifat yang terpuji yang harus dimiliki oleh seseorang untuk meningkatkan martabatnya di sisi Allah.

8. *Sharah Li Al-Fadh Al Jarumiah Fi Usul Ilmu Al-Arabiah*

Arkib/BM/No. 14/75, 205 x 165, 58 halaman. Naskhah karangan dalam bahasa Araba tulisan seorang penulis dipercayai dari keturunan Melayu berdasarkan stail bahasa Arabnya. Naskhah ini membicarakan tentang nahu bahasa Arab juga ilmu saraf. Tulisan bercorak pengantar dalam bidang ilmu-ilmu yang tersebut.

9. *Kumpulan Hadis*

Arkib/BM/No. 16/75, 200 x 160, 50 halaman. Penulis naskhah ini ialah Abdullah bin Abdul al-Mubin al-Syafi'i. Karangan ini merupakan satu kumpulan hadis-hadis pilihan yang dibuat oleh pengarang dan diberikan makna serta tafsiran yang panjang lebar. Hadis-hadis yang tersebut kebanyakan memperkatakan tentang kewajiban seseorang Muslim.

10. *Ilmu Saraf*

Arkib/BM/No. 17/75, 205 x 165, 75 halaman. Naskhah dituliskan oleh Abu Hasaan Ali Ibn Hisyam al-Kilau al-Syafi'i. Isi kandungannya membicarakan tentang ilmu saraf.

11. *Ilmu Tasawuf*

Arkib/BM/No. 18/75, 215 x 166. Karangan dalam bahasa Arab dituliskan oleh Abdul Samad atau Faqih Hasan. Naskhah ini merupakan sebuah karangan pengantar tentang ilmu tasawuf dituliskan oleh seorang penulis tempatan dalam bahasa yang sederhana. Isi kandungannya membicarakan tentang sifat-sifat orang yang beriman dan menerangkan jalan untuk membolehkan seseorang itu menuju ke syurga.

12. *Etika Islam*

Arkib/BM/No. 19/75, 165 x 125, 64 halaman. Naskhah ini membicarakan tentang ilmu etika dalam Islam. Isi kandungannya menyentuh tentang sifat dan tanggungjawab seorang muslim dengan diberikan rujukan kepada ayat-ayat al-Qur'an dan Hadis Nabi.

13. *Sabil Al-Muhtadin Li Tafaqquh Fi Amr Al-Din*

Arkib/BM/No. 33/75, 240 x 190. Naskhah ini dikarang oleh Arsyad al-Banjiri, seorang tokoh ulama dari Banjar bertarikh 1193H. Isi kandungannya mengenai ilmu feqah menurut mazhab Imam al-Syafi'i.

14. *Muqaddimah Al-Mubtada'in*

Arkib/BM/No. 33/75, 356 halaman. Naskhah ini membicarakan tentang ilmu Tauhid, dituliskan dalam Bahasa Melayu walaupun judulnya dalam bahasa Arab.

15. *Etika Islam*

Arkib/BM/No. 34/75, 200 x 163, 48 halaman. Naskhah ini membicarakan tentang konsep etika dan moral dalam Islam. Pembicaraannya banyak dirujuk kepada al-Qur'an dan Hadis Nabi.

16. *Pengajaran Islam*

Arkib/BM/No. 53/80, 168 x 112, 40 halaman. Naskhah ini mengandungi tiga bahagian. Bahagian pertama membincang mengenai cara-cara mengerjakan ibadat dalam Islam. Bahagian kedua membicarakan mengenai Ilmu Tauhid. Bahagian ketiga mengandungi cerita pertemuan Ali bin Abu Talib dengan Nabi Muhammad untuk mendapatkan wasiat pengajaran agama Islam. Bahagian ketiga tidak lengkap kerana kehilangan beberapa halaman diakhir cerita.

17. *Syair Cermin Islam*

Arkib/BM/No. 56/80, 185 x 135, 49 halaman.

18. *Pelajaran Tauhid Dengan Syarahannya*

Arkib/BM/No. 60/80, naskhah tulisan tangan yang mungkin daripada kitab mengenai "Pelajaran Tauhid Dengan Syarahnya", di dalam Bahasa Melayu. Naskhah kepunyaan Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Haji Abd. Wahab bin Haji Mohd. Said.

19. *Ratib Al-Hadad*

Arkib/BM/No. 61/80, 24 halaman. Salinan foto tulisan Begawan Pehin Si Raja Khatib Hj. Mohd. Said. Isi kandungannya mengandungi dua bahagian. Bahagian pertama Ratib al Hadad

karangan al-Syarif al-Habib Abdullah bin Alwi al-Hadad. Bahagian kedua naskhah ini mengandungi tulisan mengenai nahu bahasa Arab.

20. *Ta'abir Mimpi*

Arkib/BM/No. 62/80. Satu salinan foto dari sebuah buku cetakan batu. Isi kandungannya tidak lengkap hanya mengandungi bab keempat hingga bab kedua puluh lima sahaja. Kitab ini berasal dari simpanan Pehin Datu Imam Hj. Abd. Mokti bin Hj. Nasar.

21. *Doa dan Fatwa Perubatan*

Arkib/BM/No. 63/80. Salinan foto dari naskhah tulisan tangan Pehin Datu Imam Hj. Abd. Mokti bin Hj. Nasar. Naskhah ini mengandungi catatan tentang doa dan fatwa mengenai perubatan bagi menghadapi kejadian wabak cacar yang melanda negeri Brunei pada tahun 1290 A.H. dan 1322 H. Dalam naskhah yang tersebut dimuatkan bersama rajah salasilah Tariqat Qadariah yang diturunkan oleh Hj. Ahmad bin Datu Imam kepada penulis naskhah ini.

22. *Ilmu Faraid*

Arkib/BM/No. 64/80. Salinan foto dari sebuah naskhah milik Pejabat Hal Ehwal Agama Islam Brunei mengenai ilmu faraid bagi kegunaan untuk pembahagian waris.

23. *Hidayah Lil Wal'd Al-Walad*

Arkib/BM/No. 65/80. Salinan foto sebuah buku cetakan batu berjudul seperti di atas diterbitkan oleh Muhammad Anub Bub Hj. Abdullah dari Singapura bertarikh pada tahun 1925. Buku ini dikarang oleh Mansur bin Syed Abu Bakar al-Idris dari negeri Baram. Buku ini mengandungi pembicaraan tentang ilmu tauhid yang dituliskan oleh pengarangnya untuk rujukan bagi kanak-kanak.

24. *Kitab Saraf dan Nahu*

Arkib/BM/No. 66/80. Kitab berbahasa Arab yang diberi makna dalam bahasa Melayu mengenai Saraf dan Nahu. Dicitak di Makkah dalam tahun 1218 H; dijumpai dalam simpanan Allahyarham Begawan Si Raja Khatib Haji Md. Said.

25. *Kitab Berkenaan Nikah*

Arkib/BM/No. 67/80. (Ini Buku Kitab Pernikahan-Pernikahan Supaya Mudah Bagi Orang Yang Baru Belajar Adanya). Hakmilik al-Takir, al-Hakir Pehin Mudim Haji Yahya.

26. *Muslim Al-Mubtad'*

Arkib/BM/No. 68/80. Naskhah karangan Wan Abdul Samad Ibn Wan Ismail dituliskan di Makkah pada tahun 1278 H. (1861 M.). Buku ini membicarakan tentang ilmu feqah dan ilmu akhlak.

27. *Tariqat Qadariah*

Arkib/BM/No. 69/80. Salinan foto naskhah yang dimiliki oleh Pejabat Hal Ehwal Agama Islam Brunei, dituliskan pada tahun 1366 H. Isi kandungan mengenai peraturan bagi mengamal ajaran Tariqat Qadariah.

28. *Kumpulan Doa I*

Arkib/BM/No. 70/80. Salinan foto manuskrip miliki Pejabat Hal Ehwal Agama Islam Brunei yang mengandungi kumpulan doa yang dibacakan selepas sembahyang terawih. Naskhah ini berasal dari Tuan Syaikh Aisyah Ibn Tuan Syaikh al-Yaman Lahik.

29. *Kumpulan Doa II*

Arkib/BM/No. 71/80. Kumpulan doa penerang hati.

30. *Nahu Bahasa Arab*

Arkib/BM/No. 72/80. Naskhah mengenai ilmu nahu bahasa Arab yang dikarang oleh Muhammad Saman bin Muhammad Ya'akob dari Brunei.

31. *Wafak*

Arkib/BM/No. 73/80, buku kepunyaan Awangku Abdul Rahman bin Pangiran Timbang.

32. *Nasyid Mawlid Al-Nabi*

Arkib/BM/No. 74/80. Salinan foto naskhah milik Pejabat-pejabat Hal Ehwal Agama Islam Brunei mengenai nyanyian memuji Nabi Muhammad.

33. *Adab Hari Jumaat*

Arkib/BM/No. 75/80. Salinan foto manuskrip milik Pejabat Hal Ehwal Agama Islam Brunei. Isi kandungan mengenai adab dan peraturan menyambut hari Jumaat. Karangan Awang Muhammad Yusof dari Brunei.

34. *Asas Ilmu Tauhid*

Arkib/BM/No. 76/80. Salinan foto manuskrip milik Pejabat Hal Ehwal Agama Islam Brunei yang mengandungi asas pengajaran ilmu Tauhid.

35. *Khutbah Aid Al-Fitri*

Arkib/BM/No. 77/80. Salinan foto manuskrip milik Pejabat Hal Ehwal Agama Islam Brunei mengenai doa dan khutbah Hari Raya Puasa.

36. *Kumpulan Doa dan Khutbah*

Arkib/BM/No. 78/80. Salinan foto manuskrip milik Pejabat Hal Ehwal Agama Islam Brunei mengenai doa dan khutbah Jumaat.

37. *Umdah Al-Iktiqad*

Arkib/BM/No. 79/80. Salinan foto manuskrip milik Pejabat Agama Islam Brunei mengenai Ilmu Usul (Tauhid) yang berasal dari karangan Pehin Siraja Khatib Hj. Hanifah.

38. *Khutbah Pembukaan Masjid*

Arkib/BM/No. 80/80. Salinan foto manuskrip Pejabat Hal Ehwal Agama Islam mengandungi khutbah pembukaan Masjid Umar Ali Saif al-Din karangan Pangiran Syahbandar Hj. Muhammad Salleh.

39. *Khutbah Hari Raya Haji*

Arkib/BM/No. 81/80. Naskhah Hari Raya Haji tulisan tangan Allahyarham Begawan Pehin Si Raja Khatib Haji Md. Saad. Tiadalah pasti tarikhnya dikhutbahkan, tetapi di luar buku naskhah ada dituliskan tarikh 15hb. Syawal 1158 (kira-kira dalam tahun 1938); yang memungkinkan khutbah ini telah dikhutbahkan pada hari Raya Haji tahun itu. Naskhah kepunyaan Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Di Raja Haji Abdul Wahab bin Haji Mohd. Said.

40. *Ilmu Ibadat*

Arkib/BM/No. 84/80. Salinan foto dari sebuah kitab agama dikarang oleh Abdul Samad Palembang di Makkah pada 1203 H. Isi kandungannya mengenai Ibadat Haji Umrah dan hukum perang jihad. Naskhah asal milik Awang Haji Yahya bin Hj. Ibrahim.

41. *Khutbah Jumaat*

Arkib/BM/No. 85/80. Naskhah salinan khutbah-khutbah Jumaat yang disalin pada 18hb. Ramadhan 1359 H, (kira-kira dalam tahun 1939) oleh Allahyarham Begawan Pehin Si Raja Khatib Hj. Mohd. Saad. Di dalam buku naskhah ini terdapat juga salinan bacaan "Talqin" dan catatan orang-orang yang dinikahkannya dalam tahun 1940-1941. Naskhah kepunyaan Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Di Raja Hj. Abd. Wahab b. Hj. Mohd. Said.

42. *Syair Agama*

Arkib/BM/No. 86/80. Salinan foto manuskrip Pejabat Hal Ehwal Agama Islam Brunei mengenai syair rukun Islam dan rukun Iman.

43. *Khutbah Jumaat*

Arkib/BM/No. 87/80. Salinan foto buku cetakan batu milik Pejabat Hal Ehwal Agama Islam Brunei. Buku ini dikarang oleh Hj. Wan Abdullah bin al-Syaikh Abdul Samad al-Kalantani. Cetakan pertama dilakukan di Singapura oleh Matbaah al-Amiriah pada tahun 1926.

44. *Sirat Al-Mustaqim*

Arkib/BM/No. 88/80. Salinan foto dari manuskrip milik Pejabat Hal Ehwal Agama Islam. Naskhah yang tersebut dikarang oleh Nur al-Din dari Brunei.

45. *Sifat Dua Puluh Dengan Syair Nasihat*

Arkib/BM/No. 95/80, 150 x 135, 19 halaman.

46. *Kitab Nasyid Ratib Saman*

Arkib/BM/No. 96/80, 160 x 110, 92 halaman, (Inilah Kitab Nasyid Ruatib Saman serta Dengan Peraturan Zikirnya dan Wirid-Wiridnya).

47. *Mukaddimah Usul Al-Din*

Arkib/BM/No. 99/80. Salinan foto naskhah milik Dewan Bahasa Brunei mengenai pengantar ilmu Usul dituliskan pada 1863.

48. *Syair Nasihat*

Arkib/BM/No. 100/80, 200 x 155, 84 halaman.

49. *Kasyf Al-Ghimah*

Arkib/BM/No. 101/80, 200 x 150, 26 halaman. Salinan foto manuskrip milik Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei mengenai pengetahuan agama Islam yang dikarang oleh dua pengarang Brunei Hj. Ahmad bin Muhammad Salleh dan Hj. Muhammad bin Muhammad Salleh, dituliskan pada tahun 1880 Masihi.

50. *Tuhfat Al-Ikhwan Fi Tajwid Al-Quran*

Arkib/BM/No. 105/80.

51. *Al-Fuakah Al-Junie'd*

Arkib/BM/No. 106/80, naskhah kepunyaan Mudim Ismail.

52. *Kitab Salam Al-Tarsyid Fi Ahkam Al-Tajwid*

Arkib/BM/No. 108/80, 250 x 185, 68 halaman. Kitab diterjemah oleh Al Fakir Alfa Fi Haji Mohammad Salleh bin Almarhum Hj. Abd. Rahman Tok Gudang Fatani.

B. **Bahan-bahan berupa Cerita (Naratif)**53. *Cerita Puteri Emas*

Arkib/BM/No. 1/75, 180 x 120, 122 halaman.

54. *Cerita Syah Nobat*

Terdiri dari 6 jilid, hanya 5 jilid dalam koleksi;
Arkib/BM/No. 4/75 (Jil. 1), 90 x 55, 145 halaman.

Arkib/BM/No. 41/80 (Jil. III), 225 x 135, 11 halaman.

Arkib/BM/No. 5/76 (Jil. IV), 235 x 142, 132 halaman.

Arkib/BM/No. 6/75 (Jil. V), 230 x 140, 98 halaman.

Arkib/BM/No. 7/75 (Jil. VI), 240 x 140, 85 halaman.

55. *Cerita Tuan Pemagat*

Arkib/BM/No. 13/75, (tiada keterangan).

Arkib/BM/No. 29/75, berjudul "Surat Tuan Pemagat Kendiharaan", 210 x 180, 95 halaman.

56. *Sultan Bungsu*

Arkib/BM/No. 22/75, 210 x 165, 148 halaman.

57. *Dang Mas Pandang Larangan*

Arkib/BM/No. 23/75, 210 x 165, 120 halaman.

Arkib/BM/No. 24/75, dengan tambahan judul: "Mambang Ke Tujuh (Dang Mas Pandang Larangan), 230 x 185, 154 halaman.

58. *Khalifah Muda*

Arkib/BM/No. 26/75 (Jilid I), 210 x 170, 66 halaman.

Arkib/BM/No. 27/75 (Jilid II), 225 x 170, 96 halaman.

59. *Hikayat Semaun*

Arkib/BM/No. 30/75, Jilid II, Cap batu, Jakarta Publishing House, (t.t.).

60. *Syair Awang Semaun*

Arkib/BM/No. 31/75, 4 Jilid, typscript, transkripsi rumi, tiada keterangan mengenai naskhah asal.

61. *Syair Panji Semirang*

Arkab/BM/No. 35/75, 185 x 150, 302 halaman.

62. *Hikayat Raja Atrif*

Arkib/BM/No. 37/75, 180 x 130, 52 halaman. Naskhah ini mengandungi cerita seperti berjudul di atas atau disebutkan juga sebagai Hikyat Ghazwah al-Yasban. Tulisan dalam bentuk cetakan batu di karang oleh Abdul Rahman bin Jabugis Mandili dari negeri Asahan, diterbitkan pada tahun 1332 H (1913); tetapi tidak disebutkan tempat penerbitannya. Hikayat ini merupakan sebuah cerita rekaan mengesahkan tentang peperangan Nabi Muhammad menentang kaum Musyrikin yang diketuai oleh seorang raja bernama Raja Atrif. Nabi Muhammad dibantu oleh panglima perang yang gagah lagi perkasa, iaitu Ali bin Abi Talib. Dalam peperangan itu Nabi dan orang Islam telah berjaya mengalahkan musuh mereka.

63. *Syair Sultan Jamalul Alam*

Arkib/BM/No. 39/80, salinan fotostet.

64. *Tuan Puteri Melati Bersama-sama Gelaran Jeutun*

Arkib/BM/No. 43/80, 215 x 200, 128 halaman.

65. *Syair Syarkana*

Arkib/BM/No. 44/80, 188 x 125, 78 halaman. Jilid I: Inilah Syair Syarkana yang terlalu Indah-Indah ceritanya.

Arkib/BM/No. 45/80 (Jil. I), 180 x 130, 74 halaman.

Arkib/BM/No. 51/80 (Jil. II), 180 x 130, 78 halaman.

Arkib/BM/No. 47/80 (Jil. IV), 185 x 130, 80 halaman.

Arkib/BM/No. 52/80 (Jil. V), 180 x 125, 80 halaman.

Arkib/BM/No. 46/80 (Jil. VI), 185 x 130, 80 halaman.

66. *Raja Dewa Laksana*

Arkib/BM/No. 48/80, 200 x 175, 24 halaman.

67. *Raja Bakrama Indera*

Arkib/BM/No. 49/80, 205 x 175, 80 halaman.

68. *Syair Ken Tabuhan*

Arkib/BM/No. 50/80 dan Arkib/BM/No. 51/80, 210 x 160, 117 halaman. Cap batu, Jakarta Publishing House, (t.t.).

69. *Syair Sultan Ahmad Tajuddin*

Arkib/BM/No. 54/80, 205 x 160, 110 halaman. "Hambalah Yang Bernama Syair Di Bawah Duli Sultan Brunei – Berlantik Adanya".

70. *Syair Sinda Rencana*

Arkib/BM/No. 55/80, 160 x 135, 39 halaman.

71. *Hikayat Nur Muhammad*

Arkib/BM/No. 57/80, 175 x 110, 24 halaman. Hikayat ini merupakan satu salinan foto dari sebuah buku cetakan batu milik Hamdan Zainal, tetapi tidak disebutkan tempat cetakan dan tarikh terbitnya.

72. *Syair Noralam Syah*

Arkib/BM/No. 89/80, (Jil. II).

73. *Hikayat Raja Jumjumah*

Arkib/BM/No. 91/80, Salinan foto dari naskhah milik Pejabat Hal Ehwal Agama Islam. Cerita tentang tengkorak kering ditemui oleh Nabi Isa di padang pasir. Tengkorak dapat berkata-kata dan menceritakan siksaan yang ditempuhinya di dalam neraka sesudah ia meninggal dunia.

74. *Hikayat Rasulullah*

Arkib/BM/No. 93/80. Salinan foto manuskrip milik Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei. Isi kandungannya mengenai cerita Nabi Muhammad melakukan mikraj ke langit.

75. *Syair Yang Dipertuan Brunei*

Arkib/BM/No. 97/80, 210 x 150, 119 halaman. (Syair Yang Dipertuan Brunei Sultan Mohamamah Jamadul Alam).

C. *Sejarah dan Perundangan*

76. *Jaornal of a Voyage to The Sooloo Island and North West of Borneo 1762-1763*

77. *Kanun Brunei*

Arkib/BM/No. 98/80, 180 x 150, 97 halaman.

Koleksi Manuskrip Melayu di Brunei

D. MSS Lain (Menurut Judul)

78. *Kitab Mengandungi Ilmu-Ilmu Dan Petua Orang-Orang Melayu (Perubatan)*

Arkib/BM/No. 36/75, 185 x 170, 147 halaman.

79. *Contoh-Contoh Persuratan*

Arkib/BM/No. 42/80, 200 x 120, 49 halaman.

Contoh-contoh Persuratan termasuk:

- i) Rakyat Biasa.
- ii) Orang Besar
- iii) Cap Mohor
- iv) Tanda Tangan
- v) Cara menulis surat wasiat
- vi) Harga setem dan lain-lain.

80. *Petua-Petua, Amalan-Amalan Yang Berfaedah Kegunaan Kayu-Kayu Buat Ubat-Ubatan*

Arkib/BM/No. 59/80.

81. *Surat Keterangan Cerai 1939-1941*

Arkib/BM/No. 82/80.

82. *Surat Keterangan Nikah 1940*

Arkib/BM/No. 83/80.

83. *Syair Rajang*

Arkib/BM/No. 90/80, 180 x 125, 47 halaman.

Arkib/BM/No. 94/80, 175 x 125, 80 halaman.

84. *Ilmu Perubatan Melayu Lama*

Arkib/BM/No. 92/80, 245 x 175, 19 halaman.

85. *Syair Perempuan (Syair Rasi Jodoh)*

Arkib/BM/No. 102/80, 165 x 110, 74 halaman.

86. *Ini Kitab Pengiran Aji Piah Kepada Dinda Pengiran Luba*

Arkib/BM/No. 103/80, 205 x 175, 40 halaman.

87. *Kumpulan Surat-Surat*

Arkib/BM/No. 104/80, mengandungi:

- A. Berbagai-bagai ilmu bacaan, seperti Pugai, Bumoh, Aturan Jimak dan lain-lain, 335 x 205, 4 halaman.
- B. Syair Perkahwinan oleh Hamid Pahlawan Jaafar (Brunei, 1925M), 285 x 230, 1 halaman.
- C. Surat Perjanjian Business antara Kapitan Teo Pun dengan Setia Pahlawan dan Tuan Haji Mohd. Jaafar (1317H), 505 x 330, 1 halaman.
- D. Surat Pajak antara Sultan Hashim dengan Kapitan Darma Taja Teo Pun tentang pajak, (1883M), 335 x 210, 1 halaman.

E. Tanpa Judul

88. Arkib/BM/No. 15/75, 165 x 110, 112 halaman.
89. Arkib/BM/No. 20/75, 210 x 170, 72 halaman.
90. Arkib/BM/No. 21/75, 235 x 200, 142 halaman.
91. Arkib/BM/No. 25/75, 225 x 175, 154 halaman.
92. Arkib/BM/No. 28/75, 220 x 170, 58 halaman.
93. Arkib/BM/No. 40/80, 240 x 205, 171 halaman.
94. Arkib/BM/No. 58/80.
95. Arkib/BM/No. 107/80, 210 x 185, 79 halaman.

LAMPIRAN B

SENARAI MANUSKRIP DALAM
KOLEKSI DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

A. Bahan-bahan Berhubung dengan Pengajaran Islam

1. *Rahsia Ilmu*

DBP. 107, 195 x 165, 96 halaman.

2. *Berzanji*

DBP. 108, 210 x 165, 72 halaman.

3. *Rukun Sembahyang*

DBP. 109, 160 x 100, 36 halaman.

4. *Kifiat Salawat*

DBP. 111, 145 x 100, 112 halaman.

5. *Fadilat Sembahyang*

DBP. 112, 195 x 140, 120 halaman.

6. *Babul Nikah*

DBP. 113, 210 x 160, 44 halaman.

7. *Syair Sifat Dua Puluh dan Syair Nasihat*

DBP. 115, (tiada keterangan).

8. *Syair Dalam Kubur*

DBP. 122, 215 x 140, 32 halaman.

9. *Kitab Nasyid Ratib Saman*

DBP. 127, 160 x 105, 87 halaman.

10. *Hikayat Rusulullah Naik Ke Langit*

DBP. 132, 210 x 170, 74 halaman.

B. Bahan-bahan Cerita (Naratif)

11. *Dang Pandan Larangan*

DBP. 001-022. Terdiri dari 27 jilid; hanya 22 jilid dalam koleksi.

DBP. 001 (Jil. I): 210 x 175, 72 halaman.

DBP. 002 (Jil. II): 215 x 175, 114 halaman.

DBP. 003 (Jil. IV): 220 x 180, 192 halaman.

DBP. 004 (Jil. V): 220 x 190, 186 halaman.

DBP. 005 (Jil. VI): 225 x 190, 114 halaman.

DBP. 006 (Jil. VII): 215 x 170, 78 halaman.

DBP. 007 (Jil. VIII): 215 x 170, 110 halaman.

DBP. 008 (Jil. IX): 225 x 180, 70 halaman.

DBP. 009 (Jil. X): 220 x 190, 102 halaman.

DBP. 010 (Jil. XIII): 225 x 175, 114 halaman.

- DBP. 011 (Jil. XIV): 225 x 180, 122 halaman.
DBP. 012 (Jil. XV): 213 x 190, 116 halaman.
DBP. 013 (Jil. XVI): 220 x 175, 96 halaman.
DBP. 014 (Jil. XVIII): 225 x 185, 146 halaman.
DBP. 015 (Jil. XIX): 225 x 185, 94 halaman.
DBP. 016 (Jil. XX): 225 x 185, 104 halaman.
DBP. 017 (Jil. XXI): 210 x 185, 110 halaman.
DBP. 018 (Jil. XXII): 225 x 180, 156 halaman.
DBP. 019 (Jil. XXIII): 225 x 185, 130 halaman.
DBP. 020 (Jil. XXIV): 225 x 190, 130 halaman.
DBP. 021 (Jil. XXV): 230 x 195, 152 halaman.
DBP. 022A (Jil. XXVII): 220 x 190, 55 halaman.

12. *Dang Rokam*

DBP. 022B-041. Terdiri dari 30 jilid; hanya 20 hildid dalam koleksi.

- DBP. 022B (Jil. I): 210 x 165, 184 halaman.
DBP. 023 (Jil. II): 165 x 110, 147 halaman.
DBP. 024 (Jil. VI): 210 x 180, 112 halaman.
DBP. 025 (Jil. VII): 230 x 165, 114 halaman.
DBP. 026 (Jil. VIII): 175 x 125, 212 halaman.
DBP. 027 (Jil. IX): 180 x 120, 153 halaman.
DBP. 028 (Jil. X): 205 x 180, 154 halaman.
DBP. 029 (Jil. XI): 235 x 180, 126 halaman.
DBP. 030 (Jil. XII): 215 x 180, 102 halaman.
DBP. 031 (Jil. XIII): 220 x 175, 121 halaman.
DBP. 032 (Jil. XV): 220 x 175, 154 halaman.
DBP. 033 (Jil. XVII): 225 x 180, 151 halaman.
DBP. 034 (Jil. XVIII): 215 x 180, 122 halaman.
DBP. 035 (Jil. XX): 220 x 180, 116 halaman.
DBP. 036 (Jil. XXII): 220 x 175, 153 halaman.
DBP. 037 (Jil. XXV): 220 x 175, 158 halaman.
DBP. 038 (Jil. XXVI): 215 x 180, 96 halaman.
DBP. 039 (Jil. XXVII): 220 x 190, 104 halaman.
DBP. 040 (Jil. XXIX): 220 x 190, 189 halaman.
DBP. 041 (Jil. XXX): 215 x 185, 114 halaman.

13. *Dayang Amas*

DBP. 042-049. Terdiri dari 10 jilid; hanya 8 dalam koleksi.

- DBP. 042 (Jil. I): 215 x 180, 160 halaman.
DBP. 043 (Jil. II): 215 x 180, 143 halaman.
DBP. 044 (Jil. III): 225 x 185, 160 halaman.
DBP. 045 (Jil. IV): 220 x 185, 158 halaman.
DBP. 046 (Jil. V): 220 x 180, 156 halaman.
DBP. 047 (Jil. VI): 220 x 190, 161 halaman.
DBP. 048 (Jil. VII): 220 x 180, 140 halaman.
DBP. 049 (Jil. VIII): 220 x 185, 106 halaman.

14. *Syair Awang Semaun*

DBP. 050-058. Terdiri dari 9 naskhah mungkin dalam versi-versi yang berlainan:

DBP. 050 (versi I, Jil. I): 210 x 170, 157 halaman (hal. 1-156).

DBP. 051 (versi I, Jil. II): 210 x 170, 182 halaman (hal. 158-340).

DBP. 052 (versi I, Jil. III): 210 x 165, 120 halaman.

DBP. 053 (versi II, Jil. I): 210 x 165, 144 halaman.

DBP. 054 (versi II, Jil. II): 210 x 165, 116 halaman.

DBP. 055: 210 x 195, 144 halaman.

DBP. 056: 345 x 210, 265 halaman.

DBP. 057: 210 x 170, 94 halaman.

DBP. 058: 205 x 170, 112 halaman.

15. *Syair Rajang*

DBP. 059A (Jil. III): 210 x 160, 120 halaman.

DBP. 060: 205 x 160, 120 halaman.

DBP. 067: 210 x 165, 98 halaman.

DBP. 069: 180 x 140, 70 halaman.

DBP. 093: 170 x 110, 78 halaman.

DBP. 116 (tiada keterangan).

16. *Hikayat Seri Rama*

DBP. 061 (Jil. II), 215 x 175, 176 halaman.

17. *Hikayat Maharaja Rawana*

DBP. 062: 225 x 185, 197 halaman.

DBP. 063: 225 x 190, 170 halaman.

18. *Syair Si Mercu Gunung*

DBP. 064: 215 x 165, 91 halaman.

19. *Syair Perempuan (Syair Rasi Jodoh)*

DBP. 065: 170 x 120, 73 halaman.

20. *Syair Rakis Dua Belas*

DBP. 066: 200 x 160, 162 halaman.

21. *Syair Sultan Ahmad Tajuddin*

DBP. 068: 215 x 160, 24 halaman.

DBP. 114: 210 x 170, 92 halaman.

DBP. 118: 210 x 170, 102 halaman.

DBP. 134: 335 x 205, 96 halaman.

22. *Syair Nasihat*

DBP. 070: 215 x 170, 85 halaman.

23. *Syair Raja Jumjumah (Syair Tengkorak)*

DBP. 072: 170 x 100, 68 halaman.

24. *Hikayat Bustamam*
DBP. 091: 350 x 200, 200 halaman.
 25. *Hikayat Raja Jumjumah*
DBP. 119: 155 x 130, 58 halaman.
 26. *Syair Badrul Zaman dan Badrul Asyik*
DBP. 120: 215 x 140, 72 halaman.
 27. *Syair Bunga Akal Karang Baharu*
DBP. 121: 215 x 140, 54 halaman.
 28. *Syair Haris Fadilah*
DBP. 123: 210 x 140, 156 halaman.
 29. *Syair Jeragan Budiman dan Jauhar Manikam*
DBP. 126: 215 x 170, 144 halaman.
 30. *Hikayat Kamarul Zaman*
DBP. 126: 215 x 170, 144 halaman.
 31. *Hikayat Raja Khandak*
DBP. 128: 210 x 135, 121 halaman.
 32. *Syair Siti Zubaidah dan Perang Cina*
DBP. 129: 225 x 145, 296 halaman.
 33. *Syair Seri Bani Selindung Delima*
DBP. 130: 205 x 140, 92 halaman.
 34. *Syair Yatim Mustafa*
DBP. 131: 210 x 145, 104 halaman.
- C. Sejarah dan Perundangan**
35. *Kanun Brunei*
DBP. 071: 210 x 165, 100 halaman.
- D. Lain-lain, Menurut Judul**
36. *Ilmu Hulubalang*
DBP. 110: 160 x 110, 44 halaman.
- E. Bahan-Bahan Tanpa Judul**
38. DBP. 073: 218, 170, 148 halaman.
 39. DBP. 074: 220 x 165, 132 halaman.
 40. DBP. 075: 220 x 165, 118 halaman.

41. DBP. 076: 206 x 170, 156 halaman.
42. DBP. 077: 210 x 170, 160 halaman.
43. DBP. 078: 200 x 170, 180 halaman.
44. DBP. 079: 227 x 170, 196 halaman.
45. DBP. 080: 210 x 170, 126 halaman.
46. DBP. 081: 210 x 170, 126 halaman.
47. DBP. 082: 213 x 166, 156 halaman.
48. DBP. 083: 210 x 170, 84 halaman.
49. DBP. 084: 210 x 168, 164 halaman.
50. DBP. 085: 210 x 165, 141 halaman.
51. DBP. 086: 210 x 170, 156 halaman.
52. DBP. 087: 210 x 170, 75 halaman.
53. DBP. 088: 170 x 145, 64 halaman.
54. DBP. 089: 210 x 165, 92 halaman.
55. DBP. 090: 210 x 170, 116 halaman.
56. DBP. 092: 210 x 170, 76 halaman.
57. DBP. 094: 210 x 170, 105 halaman.
58. DBP. 095: 210 x 170, 100 halaman.
59. DBP. 096: 210 x 160, 92 halaman.
60. DBP. 097: 207 x 165, 90 halaman.
61. DBP. 098: 208 x 166, 98 halaman.
62. DBP. 099: 210 x 170, 90 halaman.
63. DBP. 100: 210 x 166, 97 halaman.
64. DBP. 101: 206 x 160, 91 halaman.
65. DBP. 102, 210 x 167, 91 halaman.
66. DBP. 103, 210 x 170, 95 halaman.
67. DBP. 104: 210 x 170, 102 halaman.
68. DBP. 105, 210 x 165, 138 halaman.

69. DBP. 106: 210 x 166, 94 halaman.
70. DBP. 117 (tiada keterangan).
71. DBP. 133 (tiada keterangan).
72. DBP. 135: 203 x 160, 56 halaman.